



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/12/19\_94 (HQ)

### **KEJADIAN RENJATAN DI TUMPAT, KELANTAN: TNB BERSIMPATI DAN MENGUCAPKAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA**

Kami merujuk kepada laporan akhbar mengenai kemalangan maut dipercayai terkena renjatan elektrik di sebuah rumah yang ditenggelami air di Kampung Morak, Tumpat, Kelantan hari ini.

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa.

TNB juga sedang menjalankan siasatan berhubung kejadian tersebut dan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkenaan seperti Suruhanjaya Tenaga dan pihak Polis.

Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyebarkan sebarang gambar atau video kejadian ini dan membuat spekulasi, sebaliknya memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan di samping menghormati perasaan dan sensitiviti keluarga mangsa.

TNB turut mengulangi peringatannya kepada orang ramai agar tidak menghampiri atau menyentuh pepasangan elektrik yang ditenggelami banjir kerana dikhuatiri berlaku kebocoran arus.

TNB akan memastikan keselamatan orang ramai sentiasa diutamakan, termasuk dengan memutuskan sementara bekalan elektrik ke kawasan yang ditenggelami air banjir atas faktor keselamatan. Penyambungan semula bekalan akan dibuat dengan kadar segera sebaik ia selamat dilakukan.

Orang ramai disarankan untuk sentiasa menjaga keselamatan dan menghubungi talian 1-300-88-5454 bagi melaporkan pepasangan TNB yang berada dalam keadaan bahaya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 Disember 2022, jam 4:20 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*